

USIM diberi status autonomi

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 16 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diberi anugerah status autonomi oleh Kementerian Pendidikan dalam usaha memastikan sumber universiti ditadbir secara integriti dan akauntabiliti.

Penganugerahan itu disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam satu majlis di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hari ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukur Husin berkata, dengan pemberian autonomi ini, institut pengajian tinggi awam (IPTA) berhak untuk melaksanakan perkara dalam pekeliling atau surat pekeliling yang diluluskan atau diberi penurunan kuasa oleh Agensi Pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti/Lembaga Governan Universiti (LPU/LGU).

"Melaluinya, peranan LPU/LGU selaku pembuat keputusan akan terus diperkasakan selaras dengan tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan sumber universiti ditadbir secara integriti dan akauntabiliti," katanya dalam satu kenya-

taan di Nilai, dekat sini hari ini.

Menurut beliau, dengan penyampaian watakah autonomi itu telah menyaksikan USIM antara 12 IPTA yang menerima status berkenaan daripada kementerian itu.

Hadir sama semasa penerimaan watakah itu pagi ini ialah Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad.

USIM pada 2011 telah dipilih oleh kementerian bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai universiti projek perintis untuk pengauditan autonomi sebelum dasar itu dilaksanakan.

"Pengalaman yang diambil semasa terlibat dalam projek itu mendorong USIM untuk membuat persiapan terbaik dan menyeluruh apabila pengauditan sebenar yang dibuat kali kedua oleh kementerian.

"Status autonomi diberikan apabila sesebuah IPTA melepasi penilaian tahap kesediaan autonomi melebihi skor 85 peratus dalam komponen tertentu yang dinilai," katanya.

Tambah Abdul Shukur, autonomi itu ialah satu tanggungjawab dan amanah yang perlu ditunaikan kerana pihak kementerian akan sentiasa memantau untuk memastikan

USIM sentiasa memenuhi kriteria yang ditetapkan.

"Semua kaitangan USIM dipelbagai peringkat perlu memberi perhatian kepada autonomi ini kerana apabila ia berhasil akan memberi banyak faedah kepada Universiti," jelasnya.

Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2012, sebanyak tujuh buah IPTA telah menerima status autonomi ini iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pada majlis hari ini, universiti lain yang turut diberi status autonomi bersama USIM adalah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Teknikal Melaka (UTeM).

Autonomi yang diberikan itu mencakupi empat bidang iaitu Governan Institusi; Kewangan dan Penjanaan Pendapatan; Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar.